

## **BIMB CATAT KEUNTUNGAN BERSIH SEBANYAK RM118.1 JUTA PADA 1Q2023**

### **SOROTAN UTAMA**

- Keuntungan Selepas Zakat dan Cukai (PAZT) Kumpulan meningkat 11.5% tahun-ke-tahun (y-o-y) kepada RM118.1 juta.
- Pulangan Ekuiti Bersih (ROE) Tahunan adalah 7.0% dan Perolehan Sesaham 5.33 sen.
- Jumlah aset mencecah RM92.1 bilion.
- Pembiayaan kasar meningkat sebanyak 10.7% y-o-y kepada RM66.2 bilion.
- Komposisi CASATIA teguh pada 42.5%.
- Kedudukan modal yang baik dengan Nisbah Jumlah Modal pada 21.2%.

---

**KUALA LUMPUR, Selasa, [30 Mei 2023]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) merekodkan keuntungan bersih sebanyak RM118.1 juta bagi tempoh tiga bulan berakhir 31 Mac 2023 (1Q2023), peningkatan 11.5% berbanding tempoh sama pada tahun 2022.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia pada Selasa (30 Mei), Bank Islam berkata hasil bagi suku pertama tahun ini meningkat sebanyak 42.6% kepada RM1,103.9 juta berbanding RM774.0 juta sebelum ini. Pengukuhan pendapatan bersih Kumpulan disumbangkan oleh peningkatan pendapatan bukan berasaskan dana yang mengukuh RM60.0 juta atau 132.4% dipacu pendapatan pelaburan serta laba bersih lebih tinggi daripada transaksi pertukaran asing.

Prestasi lebih baik ini diterjemah kepada perolehan sesaham bernilai 5.33 sen dan pulangan ekuiti bersih tahunan sebanyak 7.0%.

Pembiayaan kasar naik 10.7% tahun ke tahun (y-o-y) kepada RM66.2 bilion, sementara akaun deposit dan pelaburan pelanggan berada pada RM77.8 bilion dengan kenaikan y-o-y sebanyak RM9.7 bilion atau 14.3%. Sebahagian besar daripada kenaikan ini disumbangkan oleh pertumbuhan y-o-y lebih baik sebanyak 25.9% atau RM6.8 bilion dalam jumlah akaun semasa, simpanan dan pelaburan (CASATIA) untuk berada pada RM33.0 bilion. Komposisi ini menjadikan aras sihat sebanyak 42.5% jumlah akaun deposit dan pelaburan pelanggan. Nisbah Modal Kumpulan kekal teguh pada 21.2%.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Setakat akhir Mac 2023, jumlah aset Bank Islam berada pada RM92.1 bilion dengan pertumbuhan y-o-y sebanyak 14.4%, dipacu pertumbuhan dalam pembiayaan dan sekuriti pelaburan."

“Kedudukan modal dan kecairan yang sihat juga mencerminkan bahawa momentum pertumbuhan dan asas kami kekal teguh,” tambah beliau.

Setakat 31 Mac 2023, nisbah pembiayaan terjejas kasar adalah 1.37%. Angka ini kekal lebih baik berbanding purata industri sebanyak 1.75%.

### **Tinjauan Ekonomi**

Secara keseluruhannya, ekonomi Malaysia berada pada permulaan yang kukuh dengan Keluaran Dalam Negara Kasar berkembang 5.6% pada 1Q2023 seperti yang dimaklumkan Bank Negara Malaysia menerusi Buletin Suku bagi Suku Pertama 2023 yang diterbitkan pada 12 Mei 2023. Peningkatan ini lebih baik berbanding negara-negara jiran serantau seperti Indonesia, China, Vietnam dan Singapura, seterusnya menggambarkan bahawa sasaran prestasi negara di antara 4.0% dan 5.0% bagi tahun 2023 adalah munasabah. Pertumbuhan ekonomi tersebut disokong oleh perbelanjaan domestik yang berdaya tahan, perbelanjaan swasta yang teguh dan pengukuhan persekitaran pasaran buruh. Keadaan ini memberikan petanda baik bagi prospek Kumpulan yang sebahagian besar perniagaannya adalah dalam segmen perbankan runcit.

Walaupun petunjuk ekonomi semasa mempamerkan keadaan yang optimistik, namun demikian, separuh kedua 2023 akan kekal mencabar kerana ekonomi masih terdedah pada risiko perkembangan luaran seperti prospek pertumbuhan global lebih perlahan. Sungguhpun pertumbuhan ekonomi Malaysia pada suku-suku akan datang dijangka lebih rendah, namun dipercayai beberapa risiko terbalik akan mampu menangani cabaran pertumbuhan 2H2023. Ini termasuk limpahan kesan daripada pembukaan semula ekonomi China, keadaan pasaran buruh yang lebih baik dan penerusan projek-projek mega.

Pada awal bulan ini, Bank Islam telah menerima pengiktirafan Anugerah CIBAFI 2023 oleh Majlis Agung Bank dan Institusi Kewangan Islam (General Council for Islamic Banks and Financial Institutions atau CIBAFI) di Manama, Bahrain bagi inisiatif-inisiatif pembangunan mampan yang dilaksanakannya, termasuk amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Mohd Muazzam berkata, “Penghormatan ini merupakan bukti kemajuan Bank Islam dalam menerapkan minda pembangunan mampan dan amalan ESG dalam operasinya. Kami juga telah mengintegrasikan pertimbangan ESG dalam keputusan pembiayaan dan pelaburan bagi memastikan aktiviti perniagaan kami menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi yang mampan.

“Kami telah mengambil langkah signifikan ke arah mengurangkan jejak karbon dan mengurangkan impak terhadap alam sekitar. Kami juga menggunakan penyelesaian tenaga hijau dalam operasi, di samping berusaha membangunkan Rangka Kerja Risiko Iklim untuk membantu mengenal pasti peluang bagi inisiatif-inisiatif ESG dan mengukuhkan kemahiran menguruskan risiko berkaitan.”

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)]**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) .